

24 OCT 2001

Hadi-Bonus

TERENGGANU JANJI BAYAR BONUS DAN KENAIKAN GAJI

KUALA TERENGGANU, 24 Okt (Bernama) -- Kerajaan Terengganu pimpinan Pas akan memberi bonus dan kenaikan 10 peratus kepada kakitangan kerajaan negeri tetapi tarikh pembayaran belum ditetapkan.

Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata kerajaan negeri memerlukan RM14.4 juta bagi melaksanakan kenaikan gaji kepada kakitangannya dan untuk itu, perbincangan akan diadakan dengan kerajaan pusat menerusi Kementerian Kewangan.

"Kita membuat keputusan untuk selaras dengan apa yang dilakukan oleh kerajaan pusat (tetapi) masalah bila (akan dibayar), itu akan ditentukan oleh pihak kewangan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco Kerajaan Negeri.

Abdul Hadi berkata demikian apabila diminta mengulas kenyataan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Mazlan Hashim semalam bahawa kerajaan negeri menghadapi kesulitan untuk membayar bonus tahun ini dan melaksanakan kenaikan gaji 10 peratus mulai tahun depan kepada kakitangan awam di negeri itu kerana sumber kewangan kerajaan Terengganu kini terbatas.

Kenaikan gaji dan pemberian bonus setengah bulan atau minimum RM1,000 diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Belanjawan 2002 Jumaat lepas.

Ditanya sama ada bonus itu untuk kakitangan kerajaan negeri dapat diberikan sebelum Hari Raya, Abdul Hadi berkata: "Itu saya tidak boleh berjanji sekarang."

Beliau juga berkata belanjawan kerajaan Terengganu akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri 11 Nov ini.

-- BERNAMA

MRA MAI